

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN  
AYUB [ PULAI ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [ PULAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca kes rasuah yang membabitkan penjawat awam yang dilihat semakin kritikal sekarang.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ada menjalankan kajian terhadap perlakuan rasuah di kalangan penjawat awam. Antara punca utama yang menyebabkan berlakunya rasuah di kalangan penjawat awam adalah kecenderungan mereka untuk mempunyai gaya hidup di luar kemampuan, sikap tamak dan haloba, wujudnya ruang dan peluang untuk melakukan perbuatan rasuah serta tahap integriti yang rendah di kalangan pegawai terbabit.

Semua Kementerian, Jabatan Persekutan dan Negeri telah diarahkan untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) masing-masing, di mana pelan ini akan mengenalpasti punca rasuah berlaku. OACP merupakan satu inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP 2019-2023) yang dirangka dengan matlamat mewujudkan negara bebas rasuah. Setiap agensi mempunyai kriteria berbeza yang menyumbang kepada perlakuan rasuah itu sendiri. Pelan ini dapat dijadikan rujukan lengkap kepada semua warga organisasi dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat memainkan peranan dalam melaksanakan pelan tindakan bagi melahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.